



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## AMALAN PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN DI MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AD-DIN PERAK DARUL RIDZUAN

MUHAMMAD KHAIRUL FIRDHAUS HAJI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA (PENDIDIKAN ISLAM)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 16.....(hari bulan) APRIL (bulan) 2019

i. Perakuan pelajar :

MUHAMMAD KHAIRUL FIROHAUS HJ ABDULLAH  
M20122002058, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA  
 NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa  
 disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN  
DI MAAHAD TAHFIZ AD-DIN PERAK DARUL RIQHUAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana  
 hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi  
 maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula  
 daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan  
 dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM (NAMA PENYELIA) dengan ini  
 mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PEMBELAJARAN  
TAHFIZ AL-QURAN DI MAAHAD TAHFIZ AD-DIN PERAK  
DARUL RIQHUAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut  
 Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah  
SARJANA (SLA NYATAKAN NAMA

IJAZAH).

3/7/2019

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. MOHAMAD MARZUQI B. ABDUL RAHIM  
 Senior Lecturer  
 Department of Islamic Studies  
 Faculty of Human Science  
 Sultan Idris Education University



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

AMALAN PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN  
DI MAAHAD TAHFIZ AO-DIN PERAK DARUL  
RIOZYAN

No. Matrik / Matric No.:

M20122002058

Saya / I :

MUHAMMAD KHAIRUL FIRDAUS HJ ABDULLAH

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 3/7/2019

DR. MOHAMAD MARZUQI B. ABOUL RAHIM

Senior Lecturer

Department of Islamic Studies

Faculty of Human Science

Sultan Idris Education University

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkewaspadaan/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan penyelidik ucapkan kepada Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Ad-Din Negeri Perak kerana telah memberi sokongan yang sepenuhnya bagi kejayaan menyiapkan sepenuhnya pendidikan ini. Jutaan terima kasih disampaikan kepada Penyelia Kajian Sarjana iaitu Dr. Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Dr. Wahyu Hidayat Abdullah dari Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI, Dr Anas Tajudin (USAS) dan sahabat-sahabat yang membantu menjayakan penyelidikan ini. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Jabatan Agama Islam Negeri Perak (Bahagian Pendidikan) dan pihak Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin terutamanya Al-Fadhil Ustaz Mohamed Dhia Addin iaitu Ketua Penyelaras JPM Tahfiz MTAQ Addin, Pengetua MTAQ Ad-din Padang Rengas, Pengetua MTAQ Ad-Din Tambun, Pengetua MTAQ Ad-Din Seruan Islam, Pengetua MTAQ Ad-Din Kampung Ketior dan Pengetua MTAQ Ad-Din Malim Nawar di atas kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga, isteri Azai Sheila Norjamalu Azmal dan anak-anak Nour Layla Zulaykha dan Muhammad Sufy Rayhaan yang sentiasa menjadi sumber inspirasi terhebat kepada penyelidik. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris dan lain-lain yang membenarkan penyelidik membuat rujukan di institusi-institusi berkenaan. Tidak lupa juga kepada pembantu penyelidik Muhammad Ariff Ariffin, Muhammad Razali dan Muhammad Amirul yang telah membantu bersama menjayakan penyelidikan ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap amalan pembelajaran tahniz al-Quran berdasarkan elemen-elemen persediaan pelajar dan proses pembelajaran seperti kaedah hafazan, alat bantu hafazan, dorongan, permasalahan pelajar dan pencapaian hafazan al-Quran yang terdapat di institusi pengajian tahniz al-Quran. Kajian ini melibatkan 366 orang pelajar Maahad Tahniz Al-Quran Addin di Perak Darul Ridzuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan ujian al-Quran secara bertulis bag mendapatkan maklum balas. Data kuantitatif daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical package for Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piaawai. Analisis korelasi Pearson digunakan untuk mengukur tahap hubungan antara variable tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif pada tahap sederhana ( $r = 0.645$ ) di antara elemen kaedah hafazan dengan persediaan pelajar. Sementara itu, elemen-elemen yang lain iaitu alat bantu hafazan, dorongan permasalahan pelajar dan pencapaian tahnirri menunjukkan hubungan yang signifikan pada tahap yang rendah. Secara keseluruhan, dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan pada tahap sederhana dan lemah antara lima elemen ini dengan persediaan pelajar. Sehubungan itu, hasil kajian ini menunjukkan amalan lima elemen ini boleh menghasilkan huffaz yang lebih berkualiti. Implikasinya, perubahan secara berperingkat dalam amalan pembelajaran wajar dilaksanakan pada masa akan datang di semua institusi tahniz untuk meningkatkan kualiti hafazan al-Quran.





## LEARNING PRACTICES IN MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN ADDIN PERAK DARUL RIDZUAN

### ABSTRACT

This study aims to evaluate level of learning practices of memorizing the Quran based on elements in learning process such as methodology, memorization tools, motivation, student problem and memorization achievement practice at the Quran learning institution. The study involved 366 students of Maahad Tahfiz al-Quran Addin in Perak Darul Ridzuan. For evaluation purpose, questionnaire and the Quran writing test were used to get respondents' feedback. Quantitative data from the questionnaire were analysed descriptively using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) to determine the frequency, percentage, mean and standard deviation. Pearson correlation analysis is used to measure the level of relationship between the variables. The result showed a significant positive correlation at the moderate level ( $r=0.645$ ) between the method and the technique of memorization elements with students preparation. Meanwhile, other elements such as memorizing tools, motivation, student problem and tahriri achievement elements showed significant relationship at the low level. Overall the findings showed moderate and low relationship. Between these five elements with student preparation. Accordingly, the results showed that the practice of these five elements will increase quality of huffaz. The implication of this study showed that gradual change in learning practices should be implemented in the future at all tahfiz institutions to improve the quality of the Quran memorization.





## KANDUNGAN

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv



## BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Hipotesis Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Batasan Kajian	15
1.8 Definisi Operasional Kajian	16
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.10 Rumusan	21



**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.0 Pendahuluan	22
2.1 Sejarah Hafazan Al-Quran	23
2.2 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia	34
2.3 Konsep Pengajian Tahfiz al-Quran	47
2.4 Pendidikan Tahfiz Model Al-Qabisi	51
2.5 Sejarah Penubuhan MTAQ ADDIN	57
2.6 Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Al-Quran	63
2.7 Penilaian Hafazan Al-Quran Menurut Al-Qabisi	78
2.8 Sorotan Kajian Lampau	84
2.9 Rumusan	91

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pendahuluan	92
3.1 Reka Bentuk Kajian	92
3.2 Lokasi Kajian	94
3.3 Populasi Dan Persampelan Kajian	95
3.4 Instrumen Kajian	96
3.5 Kesahan Instrumen Kajian	100
3.6 Kajian Rintis	102
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	105
3.8 Prosedur Penganalisis Data	106
3.9 Rumusan	108



**BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN**

4.0 Pendahuluan	109
4.1 Analisis Profil Demografi	110
4.2 Pembelajaran Tahfiz di MTAQ ADDIN	114
4.3 Hasil Ujian Korelasi Pearson	125
4.4 Ringkasan Dapatan Kajian	132
4.5 Rumusan	133
4.6 Penutup	135

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0 Pendahuluan	136
5.1 Perbincangan Dapatan Kajian	137
5.2 Kesimpulan Kajian	148
5.3 Cadangan Kajian	149
5.4 Implikasi Kajian Persediaan Pelajar Tahfiz	151
5.5 Penutup	158

**RUJUKAN**159



x

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Instrumen Pelajar Bahagian A	97
3.2 Item Penilaian Persediaan Pelajar Tahfiz	98
3.3 Item Penilaian Input Pelajar	98
3.4 Item Penilaian Proses Pelajar	99
3.5 Indeks Kebolehpercayaan Nilai Alpha Cronbach	104
3.6 Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Kajian Rintis	105
3.7 Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif	107
3.8 Interpretasi Min dan Bentuk Perubahan	108
4.1 Responden Jantina	110
4.2 Responden Umur	111
4.3 Responden Faktor Dorongan	111
4.4 Responden Latar Belakang Tahfiz	112
4.5 Responden Mengikut Pengalaman Menghafaz al-Quran	113





4.6	Responden Mengikut Keterlibatan Menjadi Imam Solat	114
4.7	Interpretasi Min Analisis Deskriptif Objektif Kajian	115
4.8	Min Tahap Persediaan Pelajar Tahfiz	116
4.9	Min Proses P & P (Kaedah dan Teknik)	118
4.10	Min Proses P & P (Alat Bantu Menghafaz)	121
4.11	Min Proses P & P (Faktor Dorongan)	122
4.12	Min Proses P & P Permasalahan)	123
4.13	Responden Yang Mengambil Ujian Pencapaian Hafazan Al-Quran	124
4.14	Min elemen ujian pencapaian hafazan (Tahriri)	125
4.15	Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Di Antara Kaedah & Teknik Hafazan Dengan Kesediaan Pelajar Tahfiz	126
4.16	Keputusan Ujian Korelasi Di Antara Alat Bantu Menghafaz Dengan Kesediaan Pelajar Tahfiz	128
4.17	Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Di Antara Faktor Dorongan Dengan Kesediaan Pelajar Tahfiz	129
4.18	Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Di Antara Faktor Permasalahan Dengan Kesediaan Pelajar Tahfiz	130
4.19	Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Di Antara Pemboleh Ubah Faktor Ujian Pencapaian Tahriri Terhadap Kesediaan Pelajar Tahfiz	131





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

4.20	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis Nol	134
4.21	Rumusan Keputusan Analisis Tahap Elemen Proses Pengajaran Tahfiz (Kaedah& Teknik, Alat Bantu Menghafaz, Pencapaian Dan Permasalahan) Dan Kesediaan Pelajar Tahfiz.	135



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konsep Pendidikan Tahfiz Al-Quran	20
-----	--	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

<i>Da'ie / Du'at</i>	Pendakwah-Pendakwah
<i>Huffaz</i>	Para Penghafaz Al-Quran
<i>I'adah</i>	Mengulang Hafazan Al-Quran
<i>Istirja'</i>	Merujuk Ayat-Ayat Al-Quran Yang Dihafaz
<i>Kalamullah</i>	Kata-Kata Allah iaitu Al-Quran
<i>Lafzi</i>	Lafaz Perkataan
<i>Muraja'ah</i>	Mengulangkaji Ayat-Ayat Yang Telah Dihafaz
<i>Musyafahah</i>	Pelajar Mendengar Sebutan Guru Melalui Pergerakan Bibir Guru Serta Menyebutnya
<i>Mutasyabihat</i>	Ayat-Ayat Al-Quran Yang Hampir Serupa
05 <i>Qiraat</i>	pustaka.upsi.edu.my
Ilmu Tentang Pembacaan Al-Quran	Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
ptbupsi	
<i>Qurra'</i>	Ilmuwan Dalam Bacaan Al-Quran Dan Ilmu Qiraat
<i>Syafawi</i>	Ujian Secara Lisan
<i>Tadarus</i>	Membaca Al-Quran Secara Berkumpulan Dan Menyemak Hafazan Bersama
<i>Tahriri</i>	Ujian Secara Bertulis
<i>Talaqqi</i>	Bacaan Bersemuka Di Hadapan Guru
<i>Takrar</i>	Bacaan Al-Quran Secara Berulang-Ulang Kali
<i>Tasmi'</i>	Menyemak Bacaan Al-Quran Di Hadapan Guru





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



1.0 Pendahuluan



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kitab suci al-Quran merupakan wahyu terakhir bagi umat manusia yang diturunkan untuk Rasul Terakhir Nabi Muhammad S.A.W melalui perantaraan malaikat Jibril. Ia merupakan satu kitab agung bahasa Arab yang menjadi panduan hidup manusia serta rujukan utama seluruh umat Islam manakala sunnah baginda Rasulullah S.A.W kepada umatnya sebagai ikutan (Al-Zarqani, 1988)

Al-Quran itu dinukilkkan secara mutawatir dan pada hari ini ia dikenali sebagai mushaf Rasm Uthmani yang dimulai dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah An-Nas. Ia adalah merupakan wahyu teragung dari Allah untuk membentuk umat manusia ke arah satu cara hidup yang direndai dan diberkati oleh Allah S.W.T. (Al-Zarqani, 1988). Menjadi satu ibadah yang dituntut di dalam agama Islam apabila kita



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



membaca Al-Quran dan menghayati serta mengamalkannya di dalam kehidupan sehari-hari. Mukjizat al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W berjaya membentuk masyarakat Muslim yang berdaya saing dan maju dengan menerapkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara praktikal. Usaha Nabi S.A.W telah menjadi ikutan yang berterusan oleh ulama-ulama salafus soleh dengan memberi penekanan utama kepada pendidikan al-Quran sebagai permulaan pendidikan dasar agama kepada anak-anak muslim (Mohamad Marzuqi, 2016). An-Nawawi (1997) menyatakan bahawa al-Quran menjadi mukjizat terpenting bagi Nabi Muhammad s.a.w yang tidak pernah usang walaupun berlaku penolakan yang berterusan terhadap al-Quran dan berlakunya perubahan zaman. Al-Quran itu dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah An-nas secara mutawatir untuk disampaikan kepada umat Nabi Muhammad S.A.W. Al-Quran dapat menambah ganjaran pahala disisi Allah kerana ia merupakan satu ibadah apabila kita membacanya (Al-zarqani, 1988) apakah lagi jika kita menghafaznya.

Al-Quran al-Karim pada hari ini menjadi sumber rujukan utama dalam proses pembelajaran dan pengajaran pengajian Islam kepada seluruh manusia. Justeru, memelihara kandungan al-Quran adalah satu tugas yang mulia dan terpuji. Para sahabat pada zaman Rasulullah S.A.W memelihara al-Quran dengan pelbagai cara dan kaedah, di antaranya ialah dengan cara menghafal (Abd Rahman, 2014). Menurut As-Shabuni (1996), al-Quran diturunkan pada 17 Ramadhan bertepatan kepada Rasulullah s.a.w dengan usia baginda yang ke 40 tahun. Sejak Rasulullah s.a.w menerima wahyu yang pertama baginda terus membaca al-Quran, berdakwah dan mengajarkannya kepada orang lain. Sebagai umat nabi Muhammad S.A.W akhir zaman, adalah menjadi tanggungjawab kita memikul amanah yang besar untuk memelihara kandungan al-





Quran dari sebarang bentuk salah laku penyelewengan yang kerap berlaku di akhir zaman ini. Usaha yang boleh dipraktikkan demi menjaga kesucian al-Quran serta memastikan ketulenan ayat-ayat suci al-Quran selamat terpelihara ialah dengan cara menghafaz al-Quran itu sendiri (Abdul Hafiz Abdullah, 2003). Ianya berterusan sehingga sekarang di mana umat Islam kini mempunyai kesedaran dalam usaha memelihara al-Quran secara hafazan di dada mahupun dipelihara dalam bentuk tulisan sebagai langkah pertama untuk memahami dan mengamalkan nya (Mohamad Marzuqi, 2016).

Bab pertama ini menjelaskan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan kajian Kurikulum Pembelajaran Tahfiz iaitu dengan latar belakang kajian, pemyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, huraihan istilah dan juga kesimpulan. Ia bertujuan memberikan gambaran



## 1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan tahfiz al-Quran adalah pendidikan yang terawal sekali di dalam sejarah Islam (Abd Rahman, 2014). Pendidikan tahfiz al-Quran bermula semenjak wahyu pertama yang diterima Rasulullah S.A.W melalui perantaraan Jibril. Pada ketika itu, Jibril A.S telah menyampaikan kaedah pendidikan al-Quran yang pertama kepada Rasulullah S.A.W melalui kaedah bacaan (Azmil Hashim, 2012). Para sahabat menerima kaedah membaca dan menghafaz al-Quran daripada Rasulullah S.A.W (al-Habash, 1987).





Pada zaman ini, Maahad Tahfiz al-Quran mahupun institusi tafhib sudah berkembang pesat di mana-mana sahaja sama ada di negara Arab ataupun luar dari negara Arab. Perkembangan yang memberangsangkan ini jelas menunjukkan perubahan sikap masyarakat Islam terhadap usaha untuk memelihara al-Quran dengan cara menghafalnya (Abd Rahman, 2014). Di Malaysia khususnya, perkembangan pendidikan tafhib al-Quran sudah mencapai satu tahap yang membanggakan.

Sejarah penghafazan al-Quran pertama secara rasmi di Malaysia bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sekitar tahun 1966. Hasrat penubuhan maahad tafhib ini dicetuskan oleh Rektor Universiti Al-Azhar, Syeikh Mahmud Syaltut, pada ketika itu yang turut sama semasa perasmian pembukaan Masjid Negara. Maahad tafhib ini diberi nama Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan operasi pertama nya bermula di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Seramai lapan orang pelajar yang dipilih sebagai perantis pertama yang dihantar oleh negeri-negeri di dalam Malaysia sebagai wakil negeri (Darul Quran, 2014). Bertitik tolak dengan kewujudan Maahad Tahfiz yang pertama ini di Malaysia, maka pengajian dan pendidikan tafhib al-Quran terus berkembang sehingga pada tahun 1991, Maahad Tahfiz al-Quran di Pusat Islam telah berjaya menghasilkan seramai 117 orang pemegang diploma tafhib dan beberapa buah negeri telah menubuhkan Maahad Tahfiz al-Quran di negeri dalam Malaysia hasil cetusan ilham dari Maahad Tahfiz al-Quran Pusat Islam JAKIM dan ianya mendapat tempat di hati masyarakat Islam Malaysia.





Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN Perak adalah sebuah institusi pendidikan Islam swasta berasrama penuh yang memilih bidang hafazan Al-Quran sebagai subjek teras utama telah dibina di Kampung Tualang Sekah, Malim Nawar, Perak Darul Ridzuan pada tanggal 17 Disember 1993. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Sheikh Mohamah Nor B. Mansor Al-Hafiz dan didaftarkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan telah berkembang pesat dengan menubuhkan sembilan belas (19) cawangannya di seluruh negeri Perak serta satu cawangan di Raub, Pahang (Maahad Tahfiz ADDIN, 2016) setelah 24 tahun ditubuhkan.

Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN mempunyai beberapa objektif utama yang telah ditetapkan di antaranya ialah: melahirkan generasi Huffaz Al-Quran yang mempunyai peribadi Muslim yang bijaksana, huffaz yang mampu menghadapi cabaran semasa, melahirkan cendekiawan mengikut bidang ilmu Al-Quran serta melahirkan para Da'ie yang berhemah tinggi. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN menawarkan pembelajaran peringkat menengah rendah tingkatan satu hingga tingkatan tiga, peringkat menengah atas bagi tingkatan empat dan lima serta peringkat Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat iaitu selepas tamat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Program Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat yang mengambil masa selama tiga tahun ini adalah hasil kerjasama dengan Darul Quran JAKIM (Maahad Tahfiz ADDIN, 2016). Sehingga tahun 2017, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN mempunyai jumlah pelajar yang mencecah 1300 orang pelajar dan 160 orang guru tahfiz yang berpengalaman. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN Perak telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 90-100 orang pelajar khatam 30 juzuk al-Quran pada setiap tahun (Dhia Addin, MTAQ ADDIN, 2017)





Pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN yang dihasilkan haruslah mempunyai daya ingatan yang kuat dalam menghafaz al-Quran. Perkara ini telah dijelaskan dalam kajian Abdul Hafiz Abdullah (2003) iaitu kemahiran memperingati hafalan al-Quran merupakan satu cabang ilmu pengajian Islam seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu lain di dalam Islam serta saling melengkapi antara satu sama lain dalam memartabatkan pendidikan Islam. Menghafaz memerlukan suatu kekuatan fikiran dari segi rohani dan jasmani kepada orang yang melakukannya. Abdul Hafiz Abdullah (2003) menegaskan, melalui hafalan dapat mengingati sesuatu yang dipelajari serta mengasah ingatan tersebut. Kaedah hafalan adalah cara yang amat berkesan untuk kecerdasan otak dan menguatkan daya ingatan.



melahirkan para *dai'e* yang berhemah tinggi. Maka untuk merealisasikan objektif sedemikian, tanggungjawap bagi setiap umat Islam untuk membaca dan menghafaz al-Quran dengan betul dan bertajwid selain menghayati serta merenung makna setiap ayat-ayat yang dihafaz (Abdul Hafiz Abdullah, 2003). Pembacaan dan penghafazan yang baik juga merupakan satu tuntutan bagi setiap orang Islam untuk memperelok kan pembacaan al-Quran khususnya apabila ia melibatkan hal-hal berkaitan ibadah dan boleh menjadi uslub dakwah kepada masyarakat.

Menurut Dhia Addin, Penyelaras JPM MTAQ Addin (2017), setiap pelajar dirancang untuk khatam al-Quran 30 juzuk dalam tempoh lima tahun sepanjang pengajian mereka di MTAQ ADDIN Perak. Menyedari hakikat tersebut serta kepentingan al-Quran di dalam melahirkan pelajar-pelajar tahfiz yang mampu menghafaz al-Quran



dengan elok dan sempuma, MTAQ ADDIN telah menyediakan pensyarah-pensyarah, guru-guru al-Quran serta prasarana yang selesa dalam memastikan kualiti pelajar dapat dicapai dalam tempoh lima tahun yang ditetapkan. Bertitik tolak dengan perkembangan ini lah, satu kajian khusus bagi mengenal pasti kaedah-kaedah, teknik serta permasalahan yang sering terdapat di dalam pendidikan tahliz al-Quran yang diamalkan sekarang ini perlu diberi perhatian agar pencapaian pelajar dapat dipertingkatkan ke satu aras yang membanggakan.

## 1.2. Permasalahan Kajian

Pengajian tahliz di Malaysia ini kebanyakannya bergerak dengan haluan dan matlamat tersendiri. Hal ini berasaskan kepada kemunculan banyak maahad tahliz swasta dan maahad tahliz rakyat dalam negeri-negeri di Malaysia. Akibatnya terdapat maahad tahliz negeri atau pengusaha tahliz persendirian ini bebas untuk menggunakan mana-mana sukatan kurikulum, teknik dan kaedah pengajaran tahliz dari mana-mana negara berlatar belakangkan pendidikan individu tenaga pengajar berkenaan (Azmil Hashim, 2010). Sehingga ada sesetengah pusat pengajian tahliz tidak dapat mencapai objektif dan matlamat pusat pengajian mereka.

Melahirkan *Huffaz* al-Quran yang berkualiti dalam jumlah pelajar yang ramai bukan sesuatu yang mudah khususnya di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN,. Antara punca kelemahan pencapaian tahliz al-Quran di kalangan pelajar ini dilihat bermula daripada pelbagai aspek antaranya yang melibatkan pensyarah tahliz, aspek pelajar, dan aspek amalan pengajaran dan pembelajaran tahliz itu sendiri. (Azmil

Hashim, 2013). Hal ini dibuktikan dalam suatu kajian mengenai kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian pelajar semester 4 dan semester 5 di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat di Perak. Kajian ini mendapat sebahagian besar 60% pelajar tidak tamat hafazan mereka 30 juzuk dalam tempoh masa 6 semester yang ditetapkan oleh pihak sekolah (Misnan Jemali, 2003).

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku di antaranya dua faktor besar yang menyebabkan perkara ini terjadi iaitu faktor pensyarah tahfiz dan juga faktor amalan pengajaran dan pembelajaran kurikulum tahfiz ini kepada pelajar-pelajar tahfiz (Misnan Jemali, 2003). Faktor-faktor ini menyebabkan salah satu objektif Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, iaitu untuk melahirkan seorang penghafaz al-Quran yang bijaksana serta mempunyai akhlak peribadi Muslim yang sempurna.

Kajian Mohamad Marzuqi (2008) menegaskan juga aspek ilmu pengetahuan dan amalan pedagogi di kalangan guru dan pensyarah pula berada pada tahap yang sederhana ketika proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz berlaku. Hal ini membawa kepelbagaiannya kaedah dan teknik serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran tahfiz hanya menjurus ke arah amalan dan kaedah tradisi tanpa ada sistem yang sistematik untuk diikuti oleh pelajar-pelajar tahfiz. Terdapat pelbagai kaedah dan teknik yang diamalkan oleh guru di MTAQ ADDIN Perak. Ulasan dari Mohamed Dhia Addin, Penyelaras Tahfiz Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN iaitu kaedah dan teknik menghafaz Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN tidak diselaraskan tetapi iaanya mengikut keupayaan dan kemampuan pelajar manakala kaedah ulangan, penulisan *tahriri*, penandaan buku *tahriri*, buku *tasmik* dan kefahaman ayat diselaraskan oleh *lajnah* akademik Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN.



Dalam tempoh menghafaz dan mengingati ayat-ayat suci al-Quran, pemilihan proses dapat menentukan keupayaan seseorang pelajar itu menghafaz dilihat dari segi teknik dan kaedah yang dipraktikkan nya. Kajian Abd Hafiz (2005) menyatakan kaedah penulisan ayat (*Tahriri*) dan kaedah memahami ayat al-Quran amat kurang dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran dan hasil dapatan kepada kajian tersebut telah mendapati kaedah *Tasmik* dan kaedah penulisan ayat al-Quran menunjukkan jumlah peratus keputusan tertinggi berbanding kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran yang lain.

Kajian Mohamad Marzuqi (2008) menyatakan terdapat beberapa proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran yang meliputi amalan kaedah *talaqqi*, *takrar*, *tasmik*, , menulis ayat, memahami maksud ayat dan pengujian ayat selalu dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran dan hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan proses pembelajaran secara *tasmik*, *talaqi* dan pengulangan mempunyai hubungan dan pengaruh signifikan dengan pencapaian hafazan al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tahfiz. Walau bagaimanapun aspek penulisan ayat dan pemahaman ayat kurang diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran kepada pelajar tahfiz.

Menurut Mohamed Dhia Addin (2017), masih terdapat ramai pelajar-pelajar yang tidak dapat menghabiskan sasaran 30 juzuk dalam masa lima tahun. Hal ini dapat dilihat berdasarkan prestasi kurikulum tahfiz pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, yang diambil pada tahun 2015 dan tahun 2016 yang melibatkan kepada subjek al-Quran Shafawi dan al-Quran Tahriri. Peratus kegagalan pelajar dalam subjek al-





Quran Shafawi pada tahun 2015 ialah 5.47% (44 orang) dari 805 pelajar manakala terdapat peningkatan peratus kegagalan pada tahun 2016 iaitu 10.36% (90 orang) dari 869 pelajar. Hal ini juga berlaku pada subjek al-Quran Tahriri pada tahun 2015 iaitu kegagalan pelajar 16.88% (137 orang) dari 812 pelajar manakala terdapat peningkatan peratus kegagalan pada tahun 2016 iaitu 21.09% (182 orang) dari 863 pelajar. Jumlah pelajar yang tamat tingkatan lima serta khatam al-Quran 30 juzuk pada tahun 2015 ialah 24 orang dari 75 orang pelajar manakala tahun 2016 ialah 35 orang dari 126 keseluruhan pelajar yang khatam. Hal ini membuktikan terdapat kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, dan ianya memerlukan kepada penamaian yang berterusan. Di samping itu, bidang kurikulum tambahan yang dilaksanakan dalam pendidikan tafsir itu juga masih baru dan belum matang, kurang dipraktikkan serta bebanan kandungan isi pengajaran nya yang banyak dan matlamat yang kurang jelas (Abdul Hafiz Abdullah, 2003).

Seharusnya jika kaedah dan teknik proses pengajaran dan pembelajaran tafsir ini dapat diselaraskan dengan betul, maka impian kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang menyasarkan untuk melahirkan 500 orang hafiz al-Quran setiap tahun daripada sekolah-sekolah menengah tafsir yang ditubuhkan oleh kerajaan di samping yang dikelola juga oleh pihak swasta dapat dilaksanakan. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak iaitu Dato' Haji Mohd Yusop Bin Haji Husin (2015) menegaskan, kesungguhan Kerajaan Negeri Perak untuk melahirkan Huffaz yang ramai dapat dilihat melalui cadangan penubuhan sekolah menengah tafsir di setiap daerah di negeri ini di samping kewujudan 29 sekolah tafsir persendirian di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi mencari solusi





memperbaiki teknik dan kaedah terkini dalam bidang hafazan yang terdapat di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak untuk melahirkan lebih ramai *huffaz al-Quran* di Malaysia.

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini merujuk kepada perkara yang lebih khusus dalam memastikan matlamat kajian berjaya dan telah dibahagikan kepada empat bahagian utama berdasarkan Kerangka Konseptual Kajian iaitu persediaan pelajar, proses dan ujian pencapaian ke atas pelajar. Objektif-objektifnya adalah seperti berikut:

a. Mengenal pasti persediaan pelajar terhadap pembelajaran tahfiz di Maahad

Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak

b. Mengenal pasti pelaksanaan pembelajaran tahfiz al-Quran di Maahad Tahfiz Al-

Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak.

c. Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat

ADDIN, Perak dalam hafazan al-Quran

d. Menganalisis hubungan di antara pelaksanaan proses pembelajaran tahfiz

dengan kesediaan pelajar tahfiz Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN,

Perak.





#### 1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dilakukan ini akan menjawab persoalan kajian yang telah dibahagikan kepada empat bahagian utama berpandukan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut.

- a. Apakah persediaan pelajar terhadap pembelajaran tafsir di Maahad Tafsir Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak?
  
- b. Apakah pelaksanaan proses pembelajaran tafsir al-Quran di Maahad Tafsir Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak.
  
- c. Sejauh manakah tahap pencapaian pelajar Maahad Tafsir Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak dalam hafazan al-Quran mereka ?
  
- d. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara pembelajaran tafsir dengan kesediaan pelajar tafsir di Maahad Tafsir Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak?



## 1.5 Hipotesis Kajian

H°1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pelaksanaan elemen kaedah & teknik hafazan dengan kesediaan pelajar tahliz MTAQ ADDIN.

H°2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara elemen alat bantu menghafaz dengan kesediaan pelajar tahliz MTAQ ADDIN .

H°3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara elemen faktor dorongan dengan kesediaan pelajar tahliz MTAQ ADDIN

H°4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor permasalahan dengan kesediaan pelajar tahliz MTAQ ADDIN.   Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

H°5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara ujian pencapaian tahriri dengan kesediaan pelajar tahliz MTAQ ADDIN.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Diharapkan hasil dari dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan besar kepada Institusi mahupun maahad tahliz di seluruh Malaysia khususnya Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak untuk mempertingkatkan kaedah hafazan yang berkesan dalam melahirkan para *huffaz* sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melahirkan 500 orang *Huffaz* pada setiap tahun. Bilangan

penghafaz al-Quran di Malaysia masih terlalu sedikit berbanding dengan keseluruhan umat Islam di Malaysia yang mencecah 20 juta orang iaitu 61.5% dari keseluruhan rakyat Malaysia yang berbilang agama. Penambahan sekurang-kurangnya seorang *hafiz* atau *hafizah* wujud dalam setiap keluarga Muslim akan menjadi realiti sekiranya pengajaran dan pembelajaran tahfiz diberi perhatian yang sewajarnya. Sekiranya berjaya direalisasikan, kebanjiran para penghafaz al- Quran akan wujud di institusi-institusi pengajian tinggi, pejabat-pejabat, sekolah-sekolah, di gedung-gedung perniagaan malahan di kawasan ladang ternakan sekalipun.

Kepentingan kajian ini dapat membantu Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, untuk mengetahui teknik kaedah hafazan yang efektif dan terbaik untuk membantu pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, ini menguasai ilmu al-Quran sebagai pelaksana utama bagi program di samping ilmu-ilmu yang lain.

Dapatan kajian ini dapat mengetahui sejauh mana objektif, matlamat dan kepentingan persediaan pelajar tahfiz al-Quran Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak ini relevan dengan pendidikan al-Quran yang sebenar dalam era globalisasi. Kajian ini juga dapat mengetahui bagaimana proses pembelajaran tahfiz al-Quran ini dijalankan supaya ianya dapat disesuaikan di seluruh cawangan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak bagi melahirkan lebih ramai *Huffaz* di dalam Malaysia.

Segala kelemahan dan juga kekuatan yang diperolehi dalam kajian ini dapat dikekalkan dan dimurnikan kan supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pihak serta mengetahui kelemahan yang dialami oleh pelajar pengajian tafsir al-Quran ini agar iaanya boleh diperbaiki di masa hadapan.

### 1.7 Batasan Kajian

Matlamat kajian ini terbatas kepada menilai bidang kurikulum yang terdapat dalam pengajian tafsir al-Quran Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak sahaja, tidak pada bidang pengajian yang lain seperti Bahasa Melayu, Matematik, Sejarah, Bahasa Inggeris dan subjek-subjek di luar kurikulum tafsir yang lain.



- a) Kajian ini hanya melibatkan seluruh cawangan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak yang ada mengajar kurikulum pengajian tafsir al-Quran sahaja dan tidak melibatkan Maahad Tahfiz al-Quran dalam negeri Perak yang lain.
- b) Kajian ini dijalankan di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak sahaja dan tidak melibatkan Maahad Tahfiz al-Quran di negeri yang lain.
- c) Kajian ini hanya tertumpu kepada seluruh pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak di setiap cawangan yang mengambil kurikulum pendidikan pengajian tafsir al-Quran sahaja, tidak kepada pelajar aliran yang lain.





## 1.8 Definisi Operasional Kajian

### 1.8.1 Al-Quran

Pengertian al-Quran menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah kalam Allah yang mukjizat yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dalam bahasa arab dan ditulis dalam beberapa Mushaf bermula dengan Surah al-Fatiyah dan berakhir dengan Surah an-Nas yang diriwayatkan secara mutawatir serta membacanya merupakan suatu ibadah. Maksud al-Quran terbahagi kepada dua iaitu bahasa dan istilah. Dari segi bahasa ialah bacaan. Al-Quran dari segi istilah pula sebagaimana diterangkan dalam *Mu'jam al-Asasi* ialah kalam Allah S.W.T yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W, majoriti ayatnya diturunkan di Mekah dan sebahagiannya pula diturunkan di Madinah yang mana ia terdiri daripada 114 surah di dalam 30 juzuk.



Dalam Kitab *Mabahith fi Ulum al-Quran* memberi maksud al-Quran sebagai kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dalam bahasa Arab. Al-Quran ditulis di dalam satu *mushaf* yang dipindahkan dari satu generasi ke satuh generasi secara *mutawatir* dan mendapat pahala bagi sesiapa yang membacanya. Ia dimulakan dengan Surah al-Fatiyah dan diakhiri dengan Surah an-Nas (As-Shabuni, 1996).

Dalam buku *Al-Itqan fi Ulum al-Quran*, perkataan al-Quran berasal daripada perkataan (قرآن) yang membawa maksud membaca. Manakala pengertian al-Quran dari segi istilah menerangkan bahawa al-Quran merupakan pengakhir bagi segala kitab dan diturunkan kepada rasul yang terakhir, pembawa agama yang menyeluruh bagi sekalian



alam, dan merupakan perlumbagaan agung yang merangkumi segala panduan untuk menunjuk jalan kebenaran kepada umat manusia (as-Sayuti, 1987).

### **1.8.2 Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN (MTAQ ADDIN)**

Sekolah Agama Rakyat Kg Tualang Sekah, Malim Nawar, Perak yang terbengkalai dimajukan sebagai maahad tahfiz hasil perbincangan antara Tuan Haji Abdullah Bin Mat Hasim Penghulu Mukimj Kampar dengan Dato Syeikh Mohamah Nor Bin Mansor al Hafiz Imam Besar Masjid Negeri Perak. Maka pada tahun 1994, MTAQ ADDIN Kg Tualang Sekah Malim Nawar ditubuhkan dengan seramai 10 orang pelajar di atas sebidang tanah wakaf dari Yang Dipertua Majlis Agama Islam Perak. Kini Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, mempunyai 20 cawangan di seluruh negeri Perak Darul Ridzuan dan 1 cawangan di Raub,Pahang dengan 1300 jumlah pelajar muslimin dan muslimat dan menawarkan Pengajian Tahfiz Al-Quran kepada pelajar berumur 13 tahun hingga 18 tahun (Maahad Tahfiz Addin, 2016)

### **1.9 Kerangka Konseptual Kajian**

Kajian yang dijalankan merupakan kajian penilaian ke atas Persediaan Pelajar Tahfiz Al-Quran Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak Darul Ridzuan. Persediaan pelajar dalam bidang pengajian tahfiz yang menjadi fokus utama kajian ini berdasarkan kepada teori al-Qabisi (1955) iaitu pengajaran dan pembelajaran al- Quran. Penjelasan al-Qabisi terhadap matlamat utama dalam pendidikan al-Quran mempunyai dua faktor

utama iaitu akhlak dan *makrifatuddin* (mengetahui cabang-cabang dan ilmu-ilmu agama). Manakala al-Qabisi (1955) menggunakan kaedah *takrar*, *talaqqi musyafahah*, *al-Fahm* dan *al-Mail* dalam proses penghafazan al-Quran. Manakala teknik hafazan yang dicadangkan beliau ada empat iaitu teknik membaca, mendengar, menulis dan melihat. Seterusnya al-Qabisi (1955) menjelaskan lagi selain kaedah dan teknik yang digunakan, kaedah penilaian harus diambil kira dan ianya dilakukan dalam bentuk penilaian hafazan harian, mingguan, bulanan dan penilaian akhir.

Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan teori pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar yang telah diubahsuai bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang baik. Daripada kerangka teori kajian ini, pengkaji telah membina satu contoh kerangka konseptual kajian bertepatan dengan objektif kajian. Secara umumnya kerangka konseptual kajian ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan persediaan pelajar ketika mengikuti pengajian tahliz al-Quran Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak.

Rekaan sesuatu kerangka adalah untuk mengawal penilaian dalam sesuatu projek dan juga program yang dijalankan. Penyelidik telah memilih model ini sebagai kerangka asas di dalam kajian kerana ianya menitikberatkan pengawalan dari sudut perancangan, penyusunan program dan pelaksanaan program hingga hasil sesuatu program. Selain itu, model kerangka yang digunakan ini juga memberi penekanan terhadap kesan jangka panjang selain daripada bermatlamat ke arah penambahbaikan sesuatu program.



Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual pendidikan tafhiz al-Quran yang akan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Pemboleh ubah bersandar kajian ini menyasarkan kepada persediaan pelajar dalam mengikuti pengajian tafhiz al-Quran dan menilai sejauh mana kesediaan pelajar tafhiz al-Quran serta hasil pembelajaran tafhiz al-Quran sepanjang pembelajaran mereka. Kajian ini juga menilai sejauh mana relevansya pengajian tafhiz al-Quran dengan keperluan masyarakat dan konsep pendidikan pengajian tafhiz al-Quran yang sebenar.

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini juga merangkumi peruntukan masa dalam proses pembelajaran tafhiz al-Quran, kandungan kurikulum tafhiz al-Quran dan alat bantu menghafaz yang disediakan oleh pihak sekolah dalam persediaan pelajar mengikuti pengajian tafhiz al-Quran.




Manakala pemboleh ubah tidak bersandar yang merangkumi proses pembelajaran dalam kajian yang dilakukan terhadap kaedah, teknik, aktiviti, adab, penggunaan alat bantuan menghafaz, dan kaedah penilaian hafazan dan faktor-faktor dorongan dan permasalahan dalam pelaksanaan pengajian tafhiz al-Quran.

Seterusnya, penilaian ujian pencapaian akan menilai keberkesanan pengajian tafhiz itu sendiri dari sudut pencapaian pelajar tafhiz al-Quran berdasarkan ujian bertulis (*Tahriri*) yang diberikan.

Setelah data-data diperoleh, maka keputusan keberkesanan amalan pembelajaran pengajian tafhiz al-Quran akan dilakukan. Terdapat empat keputusan perubahan yang diambil kira dalam kajian ini iaitu keputusan homeostatik, inkremental,



neomobilistik dan metamorfik. Keputusan homeostatik ialah perubahan kecil yang berlaku bagi mengekalkan keseimbangan sedia ada dalam sesuatu kurikulum atau program berdasarkan maklumat yang relevan. Keputusan inkremental pula ialah perubahan secara kecilan yang berterusan di dalam sistem pendidikan. Sementara keputusan neomobilistik ialah pengubahsuaian yang dilakukan untuk penghasilan perubahan secara besar-besaran bagi mengatasi masalah yang berkaitan dan mencetuskan idea-idea baru. Keputusan metamorfik ialah perubahan besar yang dilakukan dan ianya bersifat menyeluruh di dalam sistem pendidikan.



*Rajah 1.1. Kerangka Konsep Pendidikan Tahfiz Al-Quran Kerangka Konsep Pendidikan Tahfiz Al-Quran.*

### 1.10 Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk menilai persediaan pelajar ketika mengikuti pendidikan tafhiz al-Quran di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ADDIN di Perak. Ia akan menilai keberkesanan proses pembelajaran tafhiz al-Quran ke atas persediaan pelajar itu sendiri. Selain itu juga, beberapa metodologi kajian akan digunakan dalam kajian ini di antaranya borang soal selidik, analisis dokumen dan ujian dan temu bual. Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar tafhiz Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak sahaja.

Semoga dengan kajian ini, segala permasalahan berkaitan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan tafhiz al-Quran di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak dapat diatasi dan dimurnikan. Selain itu, semoga kajian ini dapat memberi idea-idea baru dalam mengukuhkan pengajian tafhiz al-Quran di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN, Perak seterusnya merealisasikan impian Kerajaan Negeri Perak untuk melahirkan 500 orang para Hafiz al-Quran setiap tahun. Hal ini kerana pendidikan pengajaran tafhiz al-Quran merupakan tapak asas bagi pelajar beragama Islam untuk mempelajari al-Quran dan menghafaznya. Pelaksanaannya perlulah mantap dan teratur pada peringkat asas bagi memudahkan pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi kelak. Diharapkan agar kajian ini dapat di manfaatkan oleh semua pihak bagi memartabatkan lagi pendidikan tafhiz al-Quran di Malaysia terutama dalam bidang hafazan al-Quran bagi melahirkan ramai *Huffaz* yang berjaya dan sempurna pada agama dan bangsa.